**Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarkan mulai jam 1200, Rabu, 28 Disember 2022**

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

# KENYATAAN MEDIA
# BAGI STATISTIK EKSPORT IMPORT MENGIKUT NEGERI
# NOVEMBER 2022

---

## PULAU PINANG KEKAL SEBAGAI PENGEKSPORT UTAMA MANAKALA SELANGOR MERUPAKAN PENGIMPORT UTAMA PADA BULAN NOVEMBER 2022

**PUTRAJAYA, 28 Disember 2022** – Jumlah dagangan Malaysia pada bulan November 2022 bernilai RM238.2 bilion (+15.6% tahun ke tahun) dengan nilai eksport RM130.2 bilion (+15.6% tahun ke tahun) dan import bernilai RM107.9 bilion (+15.6% tahun ke tahun) seperti yang dilaporkan hari ini dalam **STATISTIK EKSPORT IMPORT MENGIKUT NEGERI NOVEMBER 2022.**

Dalam satu kenyataan pada hari ini, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia berkata prestasi eksport mengikut negeri menunjukkan, "Eksport pada bulan November 2022 meningkat sebanyak RM17.6 bilion (+15.6%) berbanding bulan yang sama tahun sebelumnya. Eksport lebih tinggi direkodkan bagi kebanyakan negeri iaitu Pulau Pinang (+RM10.8 bilion), Sarawak (+RM3.2 bilion), Johor (+RM1.9 bilion), W.P. Kuala Lumpur (+RM1.6 bilion), Selangor (+RM629.2 juta), Terengganu (+RM315.6 juta), Melaka (+RM152.0 juta), Kelantan (+RM119.3 juta), Negeri Sembilan (+RM77.4 juta) dan Perlis (+RM30.6 juta). Walau bagaimanapun, eksport menyusut di Sabah (-RM565.0 juta), Pahang (-RM379.7 juta), Perak (-RM180.2 juta), W.P. Labuan (-RM38.8 juta) dan Kedah (-RM13.8 juta)."

Beralih kepada prestasi import mengikut negeri, Ketua Perangkawan memaklumkan, "Import pada bulan November 2022 juga meningkat RM14.5 bilion (+15.6%) berbanding bulan

yang sama tahun sebelumnya. Peningkatan import dipacu oleh import yang lebih tinggi oleh kebanyakan negeri iaitu Pulau Pinang (+RM4.6 bilion), Selangor (+RM4.0 bilion), Johor (+RM3.4 bilion), Melaka (+RM1.6 bilion), W.P. Kuala Lumpur (+RM640.7 juta), Sarawak (+RM447.8 juta), Terengganu (+RM162.1 juta), Perak (+RM148.6 juta), Perlis (+RM53.1 juta) dan Kelantan (+RM33.1 juta). Walau bagaimanapun, import menyusut di Kedah (-RM368.5 juta), Negeri Sembilan (-RM211.5 juta), Pahang (-RM89.2 juta), Sabah (-RM25.3 juta) dan W.P. Labuan (-RM16.5 juta)."

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin seterusnya memaklumkan "Antara lima negeri pengeksport utama, Pulau Pinang kekal sebagai pengeksport utama dengan sumbangan 31.8 peratus, diikuti oleh Johor (19.0%), Selangor (17.7%), Sarawak (9.0%) dan W.P. Kuala Lumpur (5.4%). Sementara itu, bagi import, Selangor merupakan penyumbang utama dengan 26.5 peratus, diikuti oleh Pulau Pinang (24.3%), Johor (20.7%), W.P. Kuala Lumpur (7.1%) dan Kedah (5.8%)."

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang menjalankan Survei Pendapatan, Perbelanjaan Isi Rumah dan Kemudahan Asas (HIES/BA) 2022 bermula dari 1 Januari 2022 sehingga 31 Disember 2022. DOSM amat menghargai kerjasama daripada responden yang terpilih untuk memberikan maklumat kepada DOSM serta menjayakan survei ini. Sila layari www.dosm.gov.my untuk maklumat lanjut.

DOSM juga menerbitkan statistik ekonomi dan sosial iaitu PocketStats yang mengandungi statistik suku tahunan dan tahunan yang boleh diperoleh dari portal DOSM atau melalui pautan https://bit.ly/PocketStats_2022.

**Carta 1: Data Siri Masa Eksport dan Import bagi negeri Johor, Pulau Pinang dan Selangor, November 2021 – November 2022 (RM Bilion)**



**Paparan 1: Infografik Statistik Eksport Import Mengikut Negeri, November 2022**

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA




Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA**
**JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA**

**28 DISEMBER 2022**

***Embargo: Only can be published or disseminated at 1200 hour, Wednesday, 28 December 2022***

DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

# *PRESS STATEMENT*
# *FOR EXPORT IMPORT STATISTICS BY STATE*
# *NOVEMBER 2022*

---

## *PULAU PINANG CONTINUES TO BE THE MAIN EXPORTER, WHILE SELANGOR BECAME THE MAIN IMPORTER IN NOVEMBER 2022*

***PUTRAJAYA, 28 December 2022*** *– Malaysia's total trade for November 2022 amounted to RM238.2 billion (+15.6% year-on-year), with exports of RM130.2 billion (+15.6% year-on-year) and imports worth RM107.9 billion (+15.6% year-on-year) as reported today in* ***EXPORT IMPORT STATISTICS BY STATE NOVEMBER 2022.***

*In a statement today, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Chief Statistician Malaysia said export performance by states has shown that, "Exports in November 2022 increased RM17.6 billion (+15.6%) compared to the same month of the previous year. Higher exports were recorded in most states such as Pulau Pinang (+RM10.8 billion), Sarawak (+RM3.2 billion), Johor (+RM1.9 billion), W.P. Kuala Lumpur (+RM1.6 billion), Selangor (+RM629.2 million), Terengganu (+RM315.6 million), Melaka (+RM152.0 million), Kelantan (+RM119.3 million), Negeri Sembilan (+RM77.4 million) and Perlis (+RM30.6 million). However, exports decreased in Sabah (-RM565.0 million), Pahang (-RM379.7 million), Perak (-RM180.2 million), W.P. Labuan (-RM38.8 million) and Kedah (-RM13.8 million)."*

*Looking at the performance of imports by state, the Chief Statistician informed, "Imports also increased RM14.5 billion (+15.6%) in November 2022 compared to the same month of the previous year. The increase in imports was due to the higher imports in most states such as Pulau Pinang (+RM4.6 billion), Selangor (+RM4.0 billion),*

*Johor (+RM3.4 billion), Melaka (+RM1.6 billion), W.P. Kuala Lumpur (+RM640.7 million), Sarawak (+RM447.8 million), Terengganu (+RM162.1 million), Perak (+RM148.6 million), Perlis (+RM53.1 million) and Kelantan (+RM33.1 million). However, imports decreased in Kedah (-RM368.5 million), Negeri Sembilan (-RM211.5 million), Pahang (-RM89.2 million), Sabah (-RM25.3 million) and W.P. Labuan (-RM16.5 million)."*

*Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin also informed, "Among the top five major exporting states, Pulau Pinang remained as the top exporter with a share of 31.8 per cent, followed by Johor (19.0%), Selangor (17.7%), Sarawak (9.0%) and W.P. Kuala Lumpur (5.4%). Meanwhile, as for imports, Selangor was the largest contributor with a share of 26.5 per cent, followed by Pulau Pinang (24.3%), Johor (20.7%), W.P. Kuala Lumpur (7.1%) and Kedah (5.8%)."*

*The Department of Statistics Malaysia (DOSM) is conducting the Household Income, Expenditure and Basic Amenities Survey (HIES/BA) 2022 from 1st January 2022 to 31st December 2022. DOSM greatly appreciates the cooperation given by selected respondents by sharing their information with DOSM and making the survey a success. Please visit [www.dosm.gov.my](http://www.dosm.gov.my) for more information.*

*DOSM also released economic and social statistics, namely PocketStats which contain quarterly and annual statistics that can be obtained from the DOSM portal or via the link [https://bit.ly/PocketStats_2022](https://bit.ly/PocketStats_2022).*

***Chart 1: Time Series Data on Exports and Imports in Johor, Pulau Pinang and Selangor, November 2021 – November 2022 (RM Billion)***



*Exhibit 1: Infographic on Export Import Statistics by State, November 2022*




*Released by:*
***THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIANS MALAYSIA***
***DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA***

***28 DECEMBER 2022***